

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PLG 295 - Pengantar Kaedah Mengajar Ilmu Kemanusiaan

Masa [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan semuanya.

Soalan I adalah soalan wajib.

Tiap-tiap jawapan hendaklah dijawab dalam helaian kertas yang baru.

1. "Falsafah Pendidikan Negara (FPN) Malaysia menekankan perkembangan potensi individu ke arah melahirkan manusia seimbang...."
Dengan memberi contoh-contoh, jelaskan bagaimana KBSR dan KBSM mampu melaksanakannya.

[25 markah]

2. Pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran KBSM boleh dikendalikan berdasarkan tajuk, isu atau tema yang memperlihatkan salingkaitan antara disiplin ilmu kemanusiaan. Pendekatan ini dikatakan "Pendekatan Bersepadu"

- (i) Jelaskan apa dia 'Pendekatan Bersepadu'
(ii) Beri satu contoh bagaimana satu isu, tajuk atau tema dapat dilakukan.

[25 markah]

3. Kemahiran-kemahiran asas pengajaran perlu pada setiap pendidik.

- (i) Apakah kemahiran-kemahiran itu?
(ii) Huraikan dengan ringkas satu daripadanya dengan mengaitkan kepada sesuatu tajuk pelajaran.

[25 markah]

...2/-

4. "Kaedah simulasi dapat membantu pelajar-pelajar memperlihatkan kemampuan mereka dalam
- (i) berbahasa dan berkomunikasi
 - (ii) melakonkan keadaan yang ditiru
 - (iii) membuat keputusan atau perundingan."

Bincangkan kebenaran kenyataan ini.

[25 markah]

5. Kaedah "Tinjau-siasat" ialah satu cara mendapatkan pengalaman secara terus melalui kerja-kerja amali yang didorongkan oleh sifat ingin tahu. Bincangkan kelebihan kaedah ini dengan memilih satu tajuk pelajaran mata pelajaran anda.

[25 markah]

6. Huraikan dengan ringkas

- (i) Sukatan pelajaran
- (ii) Alat bantu mengajar (ABM)
- (iii) Penyerapan 'Nilai Murni' dalam mata pelajaran ilmu kemanusiaan".

[25 markah]